

## → SOAL JAWAB

## Aspek keselamatan dipandang remeh

Mengapa tiada kawalan terhadap ratusan sekolah pondok dan tahfiz di seluruh negara bukan sahaja dari segi ciri keselamatan bangunan malah kurikulum, pengawasan termasuk mengaudit sumbangan kerajaan dan orang ramai? Banyak persoalan timbul kenapa musibah kerap berlaku di sekolah pondok dan tahfiz. Terbaru kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di ibu negara yang mengorbankan 23 nyawa.

**Wartawan BH Ahad, NADIA HAMID dan MOHD FHARKHAN ABDUL GHAPAR, menemubual Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim dan Ketua Eksekutif/Ahli Lembaga Pengarah, Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia, Juhaidi Yean Abdullah untuk membincang isu ini.**

**Wan Mohd Nor**

**S: Susulan kebakaran tempoh hari, apakah pandangan Datuk berhubung tahap keselamatan pusat tahfiz atau sekolah pondok di seluruh negara?**

**J:** Ini persoalan yang sukar dijawab. Secara umumnya, masih banyak pusat maahad tahfiz dan sekolah pondok belum menjalani pemeriksaan aspek keselamatan premis mereka. Akibatnya, bomba tidak dapat memberi jaminan ciri keselamatan yang ada pada premis ini kerana kami tidak dapat menilai pelan pembinaan mengikut spesifikasi ditetapkan selepas bangunan siap. Pihak yang merujuk bomba untuk pemeriksaan mengikut prosedur dan mendapat kelulusan, maka aspek keselamatan di bangunan mereka lebih terjamin dengan syarat tiada pengubahsuaian pelan asal yang sudah diluluskan. Aspek keselamatan yang dimaksudkan termasuk mempunyai alat pemadam api dan loceng penggera kebakaran. Namun, saya percaya banyak pusat tahfiz dan sekolah pondok masih beroperasi tanpa kelulusan aspek keselamatan bomba.

**S: Berdasarkan lebih 30 kebakaran besar membabitkan pusat tahfiz sejak 10 tahun lalu, pada pendapat Datuk, mengapa pihak pengurusan pusat tahfiz seperti tidak ambil berat soal keselamatan?**

**J:** Saya percaya ada beberapa faktor menyumbang kepada perkara ini. Pertama, sikap pengurusan pusat tahfiz dan sekolah pondok sendiri. Kebanyakan pusat tahfiz di negara ini beroperasi lebih 10 tahun dan mungkin segelintir mereka tidak sedar ancaman risiko berlaku kebakaran, selepas bertahun beroperasi.

Sikap begini merujuk kurang pemahaman terhadap risiko berlaku kebakaran. Jika pihak pengurusan benar-benar faham dengan risiko itu, mereka akan lebih berhati-hati, beri perhatian kepada aspek keselamatan di premis mereka dan memikirkan akibat ditanggung jika mengabaikan aspek keselamatan. Sebagai contoh, perkara asas keselamatan bagi sesebuah premis ialah memastikan penghuni dapat keluar masuk bangunan dengan selamat. Jika perkara asas ini diabaikan, akan timbul masalah ketika kecemasan. Kedua, kurang dana dan peruntukan membina premis memenuhi spesifikasi ditetapkan. Mereka terpaksa membina premis yang memenuhi keperluan asas sahaja. Pada mereka mungkin

membina bangunan mematuhi aspek keselamatan akan membabitkan kos tambahan tinggi. Oleh kerana itu, apabila buat pemeriksaan di pusat tahfiz, kita dapati ada bangunan tiada laluan tangga kecemasan serta aspek keselamatan lain.

**S: Difahamkan, dalam isu kebakaran terbabit, bomba belum meluluskan Sijil Layak Menduduki (CF) bagi permohonan pusat tahfiz itu. Mengapa tiada tindakan awal diambil?**

**J:** Pihak pengurusan pusat tahfiz berkenaan sudah menghantar permohonan dan pelan bangunan kepada bomba pada Februari 2015. Selepas melakukan semakan pelan, ia diluluskan namun dinyatakan kepada mereka berhubung keperluan bangunan berkenaan dilengkapi hos pemadam api, tingkap kecemasan (break glass) dan loceng penggera kebakaran untuk memberi amaran jika berlaku kebakaran. Jadi pihak pengurusan sepatutnya mengemukakan dan menghantar semula pelan baharu yang lengkap ciri keselamatan seperti dinyatakan bomba.

Dalam rekod bomba, bangunan ini seolah-olah 'tidak dibina' kerana mereka tidak menghantar pelan baharu walaupun sudah menerima kelulusan. Jika bangunan sudah dibina, sebelum ia diduduki, pengurusan tahfiz sekali lagi perlu mengemukakan permohonan sijil CF kepada bomba untuk diperiksa. Pemeriksaan penting bagi memastikan bangunan siap dibina sama seperti pelan asal. Bagi bangunan yang mengikut proses pemeriksaan keselamatan bomba, jika didapati tidak memenuhi aspek keselamatan, kita akan arahan pemilik penuhi syarat aspek berkenaan.

**S: Kebakaran pusat tahfiz bukannya perkara baharu di negara ini. Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCD) diwujudkan ketika kebakaran Pondok Pak Ya pada 1989. Banyak syor dibuat, namun kenapa tidak dilaksanakan?**

**J:** Berhubung ekstrak RCI, saya tidak boleh mengulas secara terperinci. Pendapat saya, tidak semua syor RCI dipandang sepi. Saya percaya pelaksanaannya mungkin memerlukan masa. Misalnya, cadangan pindaan enakmen. Saya percaya setiap negeri melakukan pindaan secara berperingkat kerana membabitkan kerjasama banyak pihak. Faktor memburukkan keadaan selepas syor RCI adalah semakin banyak pusat tahfiz dan sekolah pondok dibuka di seluruh negara terma-



Pihak pengurusan institusi pendidikan agama perlu peringkat dan ambil berat aspek keselamatan. Islam didik umatnya utamakan keselamatan"

**Wan Mohd Nor Ibrahim,**  
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**BH PLUS**

di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video

suk yang berdaftar dan haram. Namun, saya yakin pihak disyor dalam laporan terbabit ada melaksanakan cadangan. Masalahnya, ia mungkin tidak dilaksanakan secara menyeluruh.

**S: Apa nasihat Datuk kepada pengurusan pusat tahfiz dan sekolah pondok untuk menangani isu keselamatan ini dan kesedaran aspek keselamatan dalam kalangan masyarakat?**

**J:** Secara peribadi, saya berharap pihak pengurusan institusi pendidikan agama perlu memper-

tingkatkan dan mengambil berat aspek keselamatan. Islam mendidik umatnya utamakan keselamatan, misalnya kita ditekankan mendekati tempat berisiko mengancam nyawa dan berbahaya. Pengurusan bertanggungjawab memastikan penghuni pusat tahfiz berada dalam keadaan selamat kerana ia amanah penjaga atau waris penghuni di situ. Wajarliah mereka menitikberatkan aspek keselamatan seiring dengan apa yang dianjurkan agama. Secara umumnya, kesedaran dalam kalangan masyarakat



Kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah ragut 23 nyawa.